

## Paparan Suara Norhashimah Hashim dalam Karya Menyerlah Makna Keindahan Sastera Melayu

Phat a/l Awang Deng<sup>1\*</sup> dan Rohaya Md Ali<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Utara Malaysia.

### ABSTRAK

*Karya sastera sejak tradisi didapati jelas dihasilkan dengan tujuan yang utama untuk hiburan, dan mengisi waktu yang lapang selepas kerja seharian. Pelbagai genre puisi dan prosa yang terhasil secara tidak langsung mengangkat persoalan tentang kehidupan manusia yang pelbagai rencam, dan terus menyalurkan pengajaran untuk kebijaksanaan. Oleh yang demikian, sebuah karya yang baik itu tetap dituntut agar menggunakan kebaikan, iaitu cerita, bahkan bahasa yang baik untuk menyampaikan suatu makna yang baik. Bagi menyelusuri perkara ini, kertas ini menggunakan penelitian kualitatif analisis teks untuk merungkaikan dua buah novel oleh Norhashimah Hashim sebagai data kajian, iaitu *Lagu Merdu Irama Sumbang* (2017) dan *Catatan Seorang Hamba* (2018). Berpandukan *Puitika Sastera Melayu* (Muhammad Haji Salleh) dengan perincian oleh Mana Sikana (2015), kajian akan tertumpu kepada aspek pemilihan bahan penceritaan, teknik penyampaian, penggunaan bahasa, dan fungsi sastera dalam menghadirkan keindahan dalam data kajian. Dapatan kajian menjelaskan bahawa novel oleh Norhashima Hashim menggarap keindahan sastera Melayu dengan makna bahawa karya berkenaan memberikan pengalaman, pendidikan dan pengajaran dalam membijaksanakan khalayak sastera secara keseluruhan.*

**Kata Kunci:** Novel, Norhashimah Hashim, Keindahan, Puitika Sastera Melayu

### PENGENALAN

Setiap karya sastera yang digarap dalam pelbagai bentuk genre jelas mengungkapkan pelbagai rasa yang muncul dalam diri pengarang atau penyair untuk menceritakan tentang diri, manusia atau masyarakat persekitaran. Pengalaman hidup, termasuk latar belakang diri, keluarga, pendidikan, fikiran, ideologi dan sebagainya akan terserlah sama ada secara tersurat atau sebaliknya. Kelahiran pelbagai genre prosa ataupun puisi ini sering kali bertitik tolak daripada keinginan pengarang atau penyair untuk berkongsi keseronokan, kesedihan, kepincangan atau kebahagiaan dan sebagainya. Menurut Hashim Awang (1984) karya sastera itu merujuk “perbincangan kepada masalah sosial pengarang, termasuklah hal-hal mengenai kedudukannya dalam masyarakat, pekerjaannya dan hubungannya dengan masyarakat.” (hlm. 84). Oleh itu, dalam karya sastera ditemui pelbagai pengalaman kehidupan manusia yang sekiranya dihayati dengan fahaman akan mengajar atau menjadi panduan yang berguna kepada orang lain. Ini kerana pengarang akan cuba menggunakan segala elemen keindahan yang dikuasai dengan sebaik mungkin untuk menyampaikan pemikiran itu, dan ia pula akan melahirkan bermacam-macam kemungkinan tafsiran dalam diri pembaca.

Berdasarkan premis ini, perbincangan akan menjelaskan elemen keindahan sastera Melayu dalam garapan dua buah novel karya Norhashimah Hashim, iaitu *Lagu Merdu Irama Sumbang* (2017) dan *Catatan Seorang Hamba* (2018) sepertimana pandangan Muhammad Haji Salleh (2006) dalam *Puitika Sastera Melayu*. Walaupun dalam percontohan membangunkan puitika, Muhammad Haji Salleh (2016) mengangkat karya klasik seperti pantun dan hikayat, tetapi kajian cuba melihat kesesuaian untuk penelitian karya moden seperti novel.

---

\*Koresponden: phat@uum.edu.my

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks untuk meneliti novel kajian berpandukan kerangka puitika yang disarankan oleh Muhammad Haji Salleh dalam Puitika Sastera Melayu. Dalam kertas ini, perbincangan memilih dua buah novel oleh Norhashimah Hashim sebagai data kajian. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti prinsip keindahan dalam novel kajian, dan membincangkan prinsip keindahan dalam novel berkenaan. Keindahan dalam konteks puitika sastera Melayu dapat dirumuskan daripada beberapa prinsip keindahan yang disusun oleh Muhammad Haji Salleh daripada puisi seperti pantun dan hikayat. Asas pengujahan atau percontohan berdasarkan puisi menetapkan (1). Dunia luas yang dipadatkan, (2) Mainan kiasan dan saranan, (3) Dunia berjodoh, (4) Sama ukuran, (5) Muzik seiring kata dan (6) Sesuai dan patut. Manakala, asas perbincangan hikayat atau genre prosa klasik pula meliputi enam prinsip keindahan karya sastera, iaitu sastera sebagai (1). menceritakan kehidupan, mengajar dan membimbing; (2). dunia pengalaman dirundung kesusahan, kesedihan dan kesengsaraan, cermin kehidupan Melayu yang tidak mudah, kerdil dan lemah; (3). melibatkan aspek keaslian dalam karya; (4). karya bersifat episodik; (5). penuh perasaan takjub dan hairan terutamanya dunia majlis; dan (6). bersifat dramatik. Berdasarkan prinsip di atas, perbincangan dalam kertas ini akan merungkai keindahan (yang dijelaskan Mana Sikana, 2015) novel kajian menerusi aspek pemilihan, teknik penyampaian, bahasa, dan fungsi karya.

## NOVEL-NOVEL NORHASIMAH HASHIM DAN KEINDAHAN SASTERA MELAYU

Dalam bahagian ini, perbincangan menjurus kepada perbincangan tentang keindahan yang dapat dikesan dalam dua buah novel, iaitu *Lagu Merdu Irama Sumbang (LMIS)* dan *Catatan Seorang Hamba – Travelog Haji Insan Istimewa (CSH)*. Sepintas lalu, Norhasimah Hashim, adalah seorang pendidik yang giat berkarya sejak tahun 1980-an (Saadin Abdullah & Mohamad Puzi A. Hadi, 2018), dan aktif dalam Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI). Beliau mula berkarya sejak tahun 1980-an sehingga kini, dan telah menerbitkan pelbagai genre seperti cerpen dan novel khususnya bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan UUM Press.

Secara ringkas *LMIS* menceritakan dua orang wanita, iaitu Mariah dan Awatif yang bermadu. Hubungan rapat antara mereka terjalin kerana Awatif (isteri kedua) hadir ke rumah Mariah (isteri pertama – yang tidak mengetahui suaminya Fahmi mempunyai isteri kedua) pada hari suami mereka meninggal kerana kemalangan jalan raya, dan konflik memuncak apabila Mariah melamar anak perempuan Awatif untuk dijodohkan dengan anak sulungnya (sedangkan anak-anak berkenaan merupakan adik beradik kandungan). Novel *CSH* pula menceritakan kisah diri pengarang sejak kanak-kanak hingga dewasa, bertugas sebagai seorang guru, dan perjalanan mengerjakan ibadah haji. Segala perincian tentang kekurangan diri dan kesukaran menjalani kehidupan seperti insan normal lain memberikan pengalaman dan mengajar erti kehidupan kepada khalayak.

Berdasarkan kedua-dua novel, kertas ini akan membincangkan makna keindahan sastera yang digarapkan oleh pengarang, dan sumbangan sastera yang memberikan kebijaksanaan kepada pembaca. Dengan itu, beberapa rumusan tentang Puitika Sastera Melayu oleh Mana Sikana (2015) yang menetapkan empat prinsip penting yang mendasari pandangan Muhammad Haji Salleh, iaitu pemilihan, teknik penyampaian, bahasa, dan fungsi karya akan digunakan sebagai asas perbincangan.

### Pemilihan

Dalam prinsip ini, keindahan yang dimaksudkan adalah melihat cara pengarang memilih bahan atau mengutip pengalaman asli, dan bermakna serta memberikan manfaat atau pengajaran kepada pembaca. Hal ini ada kaitan dengan perasaan, pemikiran dan keintelektualan pembaca.

Tuntasnya, Puitika Sastera Melayu mementingkan keaslian, iaitu “cerita oleh yang empunya cerita”, dan “hikayat orang dahulu di kayangan”, “keaslian sumber silam”, “leluhur”, dan “dekat kepada kebijaksanaan” (Mana Sikana, 2015, hlm. 373). Oleh itu, analisis menjelaskan bahawa segala pengalaman yang digarapkan dalam novel kajian ini asli kerana mencatatkan sejarah kehidupan dan laluan pengalaman yang diharungi oleh pengarang.

Menelusuri novel-novel kajian, pembaca akan merasai keadaan hidup mereka yang kurang upaya penglihatan kerana watak utama digambar melalui perkara ini. Kisah dalam bahagian kedua kehidupan Mariah (setelah watak ini hilang deria penglihatan) dalam *LMIS* jelas dikutip daripada kehidupan Norhashimah Hashim yang juga menghadapi dugaan yang sama. Sementara, dalam *CSH – Travelog Haji Insan Istimewa*, pengarang menceritakan kisah hidup yang diwarnai kegelapan sejak kecil, mengharungi cabaran dalam hampir setiap aspek kehidupan. Gambaran diri, dan beberapa orang adik beradik yang cacat penglihatan tidak mudah untuk dilalui. “Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul,” begitulah kata pujangga. Oleh yang demikian, keindahan sastera dalam konteks ini adalah menyentuh perasaan, mengasah pemikiran untuk memahami kehidupan, dan akhirnya menyerlahkan bijaksana.

Dalam novel *Lagu Merdu Irama Sumbang (LMIS)*, pengarang menggunakan keadaan hidup Mariah yang hilang deria penglihatan akibat penyakit sebagai tumpuan cerita. Setiap insan mengharapkan kesempurnaan dan kebahagiaan, tetapi ketentuan dan kemampuan mereka melalui kekurangan ini jelas menunjukkan didikan dan pengajaran:

Tenaga yang kugunakan untuk mengeluarkan jeritan itu menyebabkan balutan dan jahitan di kepalaku bagaikan hendak tertanggal. Sakitnya tidak dapat hendak kugambarkan. Tetapi kenyataan bahawa aku kini insan cacat jauh lebih menyakitkan daripada itu. (*LMIS*, hlm. 65)

Nampaknya risiko pembedahanku jauh lebih dahsyat daripada yang dibayangkan oleh doktor kepada suami dan keluargaku. Sudahlah aku hilang upaya untuk melihat, aku juga berkemungkinan akan kehilangan pekerjaan, suami dan anakku. (*LMIS*, hlm. 67)

Keadaan Mariah yang kehilangan deria penglihatan menyebabkan kesukaran menguruskan kehidupan dan keterbatasan menjalankan tanggungjawab sebagai anak, isteri, dan guru. Pengalaman seumpama ini pasti menyentuh perasaan dan rasa belas kasihan pembaca. Walau bagaimanapun pengarang menggarap supaya Mariah perlahan-lahan tabah atau ‘keredaan’ dengan musibah yang menimpa diri memberikan pengajaran kepada orang lain. Ketentuan takdir menjelaskan kebenaran atau hakikat bahawa manusia hanya mampu berusaha, serta menerima ketentuan takdir itu dengan bijaksana. Demikian juga dugaan Mariah yang memuncak selepas Fahmi, suaminya meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya. Keadaan seorang wanita yang memikul peranan ibu yang cacat penglihatan dengan tiga orang anak-anak kecil jelas menggarapkan pengalaman sukar seorang insan:

“Mama! Adik menangis.” Kedengaran suara halus Angah di sisiku. Sebelum sempat aku memberi sebarang tindak balas, Angah terus mengheretku ke bilik. Nada suara Angah ceria saja. Apakah dia mengerti dia sudah kehilangan papanya hari ini? Apakah makna kematian bagi anak seusia Angah? (*LMIS*, hlm. 23 -24)

Kesukaran Mariah yang kehilangan tempat bergantung sering pula diulang-ulang, khasnya ketika anak-anak mencari bapa mereka yang tidak pulang. Hati setiap pembaca pasti akan tersentuh dengan keadaan dan pengalaman seumpama ini:

“Kalau macam tu, elok Along ambil wuduk. Lepas tu, baca al-Quran untuk disedekahkan kepada papa,” saranku. “Itulah amalan terbaik dapat Along lakukan setiap kali Along teringatkan papa. Jom mama temankan Along ke bilik air.”

Kesian anak ini. Dia sudah memahami hakikat pemergian papanya buat selama-lamanya. Anak ini juga harus belajar memikul tanggungjawab menjaga adik-adiknya yang masih kecil dan menjaga mamanya yang cacat. (*LMIS*, hlm. 26)

Dalam *CSH* pula, kehidupan awal pengarang diceritakan dengan agak jelas. Pelbagai dugaan dan cabaran masuk ke dalam kehidupan mereka, dan setiap satunya mengajar erti kewujudan insan. Bahan dan cerita yang digarapkan ini menganjurkan kebijaksanaan untuk dihayati dengan kefahaman dan keredaan:

Kelahiran Abang sulungku, ... memang dinanti-nantikan oleh mak, ayah, datuk dan nenek. Masing-masing tidak sabar untuk melihat anak dan cucu pertama mereka.

Penantian mereka berakhir pada 1.4.1961. Bagaimanapun, abang lahir dengan pancaindera melihat yang tidak sempurna. Dalam pada itupun dia tetap ditatang dan disayang.” (Norhashimah Hashim, 2018, hlm. 12)

Mereka sedikit sebanyak terhibur apabila abang keduaku, ...lahir setahun kemudian dengan pancaindera yang tiada cacat celanya. Dalam keseronokan mereka itu, abang sulungku tetap tidak diketepikan.

Sayangnya, kegembiraan mereka beberapa ketika cuma. Sewaktu berusia sebelas bulan, abang keduaku telah dijemput ke pangkuan penciptanya. Datuk, nenek, mak dan ayah tetap pasrah.

Aku hadir dalam kehidupan Hashim bin Hassan dan Fatimah binti Ismail sebagai anak ketiga mereka. Surat takdir telah menentukan yang aku juga mengalami kecacatan seperti abang sulungku. (Norhashimah Hashim, 2018, hlm. 12 -13)

Tahun-tahun ketika abangnya yang sulung ingin dihantar ke Sekolah St Nicholas di Pulau Pinang, ibu pengarang melahirkan seorang lagi adiknya:

Pada tahun yang sama, ibuku selamat melahirkan seorang lagi puteri yang diberi nama Norbahiyah atau panggilan pendeknya Bayah. Sejak lahir lagi, mereka sudah dapat mengesan kecacatan mata adikku. Namun, setelah Bayah mencapai usia dua tahun, mak dan ayah mula perasaan yang adikku lahir dengan beberapa kecacatan lain selepas daripada kecacatan mata. adikku pekak dan bisu. Di samping itu, adik Bayahku ini enggan menjamah apa-apa selain daripada susu. Adikku juga seperti hidup dalam dunianya sendiri. Sukar untuk berkomunikasi dengannya. (Norhashimah Hashim, 2018, hlm. 15-16)

Penelitian terhadap kedua-dua boleh novel di atas menemukan gambaran cabaran kehidupan pengarang dan keluarga. Penggunaan bahan dan penceritaan tentang kehidupan mereka yang kurang upaya penglihatan seumpama ini memberikan pengajaran kepada khalayak. Sastera mengajar kita memahami kekurangan, dan mengerti beberapa realiti orang lain yang mungkin tidak pernah hadir dalam kehidupan kita.

### **Teknik Penyampaian**

Teknik penyampaian dalam puitika sastera Melayu turut “mencakupi keajaiban, kekaguman, kedramatikan termasuk konsep naratologi yang berkaitan dengan episodik ... (Mana Sikana, 2016, hlm. 373) yang dihadirkan dalam karya, dan teknik digunakan oleh pengarang. Dalam bahagian ini, analisis meneliti teks atau cerita sama ada digerakkan secara cepat, padat dan menagih perhatian pembaca. Menurut Muhammad Haji Salleh (2006, hlm. 241 – 242) suasana kesuraman seperti “seksa yang dialami pada peringkat jasmaniah dan rohaniah, melalui kesakitan jasmani (sakit, letih, perih, pedih, luka dan calar, hancur, dan sebagainya) ...” yang dimasukkan dalam karya berupa suatu pengalaman. Apakah gambaran makna semiotik daripada cerita dalam novel ini? Unsur magis dalam karya klasik adalah bertujuan untuk pendengar melupakan realiti kesukaran hidup – boleh juga dianggap bertujuan hiburan. Walaupun novel kajian tidak memaparkan elemen ketakjuban atau magis yang difahami umum, namun

kekuatan/kejayaan watak Mariah penting menghiburkan pembaca, sehingga kita turut merasai 'kekuatan insan seperti Mariah' yang berdikari dan mampu hidup normal seperti orang lain.

Dalam karya – Norhashimah menggerakkan kehidupan watak Mariah dalam *LMIS* dengan agak cepat, menarik dan tidak membosankan. Kehidupan Mariah selepas hilang deria penglihatan misalnya dipenuhi dengan jadual harian untuk latihan dan kursus persediaan untuk berdikari. Mariah yang bangkit dalam masa yang singkat daripada kesedihan kerana hilang penglihatan menjadi teladan yang sangat penting dan kelihatan penuh bijaksana. Manakala gambaran tentang kekangan, perincian tentang individu yang cacat penglihatan disampaikan sebagai pelajaran atau panduan kepada pembaca.

Norhashimah dalam novel *CSH* – pula berkongsi kerumitan keluarga, ketabahan datuk dan nenek yang membesarkan mereka adik beradik, laluan untuk pendidikan diri pengarang, peranan sebagai guru, kegigihan, cabaran dan dugaan untuk mengerjakan haji dan sebagainya. Mana Sikana (2015) menjelaskan bahawa “dalam prosa pula menggambarkan pengalaman kehidupan yang asli atau realiti, berunsurkan kesuraman, tetapi mengandungi unsur keajaiban, dramatik dan episodik.

Ketabahan dan nasib malang berulang-ulang kali seorang wanita jelas menggambarkan bahawa kehidupan ini penuh dugaan, dan ia harus ditempuhi oleh setiap insan. Watak Awatif dalam *LMIS* juga menerima ketentuan takdir kehilangan ibu ketika dirinya masih muda dan tiada perlindungan kecuali belas kasihan jiran tetangga, misalnya:

“Awa tidak pernah menyalahkan ibu,” Aku akan memeluk wanita yang telah susah payah mengandung, melahirkan, dan membesarkan aku dalam laut derita. “Kan ibu juga selalu kata, sekurang-kurangnya kita tidak menjadi pengemis di jalanan. (*LMIS*, hlm. 132)

Pemergian ibu semacam tidak mengundang kesedihan ayah dan abang. Mereka pulang menjengah jenazah ibu tak ubah seperti menziarahi jenazah seorang saudara jauh. Mujur ada jiran-jiran yang membantu menyempurnakan jenazah ibu. Mereka jugalah yang mengendalikan tahlil dan kenduri arwah untuk ibu. (*LMIS*, hlm. 133)

Berdasarkan petikan contoh yang pelbagai, dapat dikatakan bahawa ketentuan yang dilalui oleh setiap insan itu luar dari kemampuan dan kuasa mereka. Pengalaman penderitaan, duka lara watak yang diangkat sedemikian rupa boleh juga berlaku di mana-mana sahaja, dan ia segar kerana memberikan suatu yang baru pembaca. Oleh itu, manusia perlulah berusaha dan menerima ketentuan itu sebagai suatu di luar kawalan, dan reda dengan apa yang dihadirkan kepada mereka.

### **Makna Bahasa dalam Karya**

Mana Sikana mengakui bahawa puitika melihat “aspek bahasa sangat penting dalam sastera Melayu. Orang Melayu memiliki santun peramahannya sendiri, di dalamnya ada prinsip budi bahasa pengarang, sempurna, tidak janggal, menarik padat, indah dan sebagainya” (2015, hlm. 374). Selain itu, kata Mana Sikana (2015), “kita diajarkan oleh Puitika Melayu, makna yang padat, kuat dan bermoral. Sebuah teks yang baik harus memiliki makna yang bermakna. Oleh kerana ada yang dikatakan disampaikan secara langsung atau tidak langsung, impilisit atau eksplisit, maka tugas pengkritik untuk menyusur dan menelusurinya” (hlm. 374).

Dalam karya Norhashimah Hashim pada halaman awal jelas mengungkapkan suatu petikan yang sarat, padat dan penuh bermakna, kelihatan mewakili keseluruhan suara hati pengarang serta gambaran dalam novel *CSH*, misalnya:

Ini adalah catatan seorang hamba – seorang hamba yang diberi nikmat kemerdekaan oleh Penciptanya; tetapi tidak pandai menghargai dan memanfaatkan nikmat yang diberi itu.

Ini adalah catatan seorang hamba – seorang hamba yang sudah hampir terpesong haluan hidupnya; tetapi masih tetap diterima oleh Dia yang Maha Penyayang. Ini catatan perjalanan seorang hamba dari lebah kejahilan dan kelalaian ke daerah kesedaran dan penyesalan. Ini adalah catatan penghijrahan seorang hamba yang amat bererti. (CSH, 2018, hlm.xi)

Penyusunan rangkai kata atau pemilihan diksi tertentu dalam karya sastera dapat menggambarkan identiti, dan menjelaskan cita-cita pengarang. Apa yang tidak mampu digapai, akan terungkap secara tersirat dalam cerita. Contoh dalam beberapa bahagian cerita, kita menemui penggunaan frasa dan pemilihan beberapa diksi, “matanya cantik, bulat matanya, matanya jernih, “itu dan ini, atau ini dan itu” menandakan diri pengarang. Contohnya, “aku juga mula rancak membeli itu dan ini. Munirah, rakan serumah aku itulah yang setia menemaniku ke pusat membeli-belah itu dan pasar raya ini. Dialah yang telah memilih jubah, tudung dan beg besar untukku.” (CSH, 2018, hlm. 96). Demikian juga beberapa gambaran kecantikan alam, warna dan sebagai menunjukkan suara hati serta diri pengarang.

### Fungsi Karya

Perbincangan dalam bahagian ini tertumpu kepada peranan yang diberikan oleh sastera dan teks. Bagi Mana Sikana (2015) kepentingan karya pada “kedudukan utama ialah karya yang mempersoalkan kehidupan, mengajar dan membimbing khalayaknya. Keindahan ini adalah warisan Islam, yang mahukan setiap karya seninya dapat dimanfaatkan oleh manusia, membentuk dirinya, mengenal perjalanannya dan arif akhir tujuannya” (hlm. 374-375).

Oleh yang demikian, analisis sesebuah karya sastera “harus juga dilihat kemampuan teks dalam mengutarakan fungsi diri sekecil-kecilnya hingga ke mujaradnya; tegasnya fungsi intelektual, metafizika dan abstrak. Malah fungsi intelektual itu lebih dipentingkan. Dapat ditegaskan teks yang baik mempunyai fungsi yang baik dengan cara yang baik dan memberi kesan yang baik” (Mana Sikana, 2015, hlm. 375). Selain itu, ditambah dalam puitika sastera bahawa “yang indah itu baik, dan membantu khalayak menikmati pengalaman yang biasanya di luar pengalaman sempitnya” (Mana Sikana, 2015, hlm. 375).

Dalam novel *LMIS*, kekecewaan Mariah terserlah kerana beranggapan ‘kekurangan’ diri sendiri itu sebagai beban atau halangan mendapat penerimaan orang lain. Dia merasakan pinangan ditolak kerana keadaan dirinya yang tidak sempurna.

“Akak sedar siapa akak, Awa. Akak tidak layak berdamping dengan Awa. Apatah lagi hendak menjalinkan hubungan kekeluargaan dengan Awa. Kita memang macam langit dengan bumi. Akak yang bodoh; meminta, mengemis dan mengharap kepada yang tak sudi memberi.” (*LMIS*, hlm. 3)

Permintaan Mariah sebaliknya membangkitkan ‘ketakutan’ atau kerisauan Awatif kerana kedua-dua anak mereka adalah adik-beradik, dia dan Mariah adalah isteri kepada Fahmi. Beban dan tekanan kedua-dua watak ini sama, tetapi situasi jelas berbeza. situasi seumpama ini pasti hadir dalam kehidupan kita, dan kita pula akan sering kali beranggapan bahawa dugaan terhadap diri sendiri mengatasi kesukaran atau penderitaan orang lain.

Wajarkah aku menambahkan derita batin Kak Mariah yang tidak putus-putus dilanda musibah sepanjang hidupnya? Apakah benteng ketahanan mentalnya cukup kuat untuk berdepan sebuah kenyataan yang pasti tidak pernah terlintas di fikirannya? (*LMIS*, hlm. 5)

Petikan ini memaparkan kesedihan Mariah yang hilang deria penglihatan, dan kematian suami ketika dirinya masih muda. Namun, kehidupan Awatif juga tidak mudah untuk diselenggarakan. Serba salah antara penderitaan diri sendiri, dan kerisauan melukai orang lain telah membebani diri. Sebarang pendedahan tentang status atau hubungan dengan Fahmi, pasti melukai ‘sahabat’

serta madunya itu. Pada akhir cerita persoalan ini meninggalkan ruang untuk direnungi dan difahami kita semua bahawa demikianlah kehidupan:

Mariah terus membatu. Tidak setitik pun air matanya menitis sewaktu dan setelah mendengar penjelasan Awatif. Tidak sepele kata pun keluar daripada mulut Mariah semasa dan selepas mendengar penerangan Awatif. (*LMIS*, hlm. 138)

Penerimaan atau keredaan terhadap takdir dan ketentuan ke atas diri sendiri seharusnya difahami dengan sedar dan bijaksana. Kehidupan kita umumnya bersangkutan dengan orang lain. Perlakuan atau kerenah seseorang individu berkemungkinan menyebabkan kesengsaraan kepada individu lain, sama ada secara sedar atau sebaliknya.

Keadaan rasa bersalah Awatif pula muncul dalam fikiran kerana berkahwin dengan Fahmi yang sudah beristeri (suami orang). Hubungan rapat dan budi Fahmi mengikat Awatif untuk menerima cinta lelaki itu. Hasilnya, rasa bersalah itu muncul dengan dahsyat lagi selepas Awatif mengetahui keadaan diri madunya, Mariah.

Rupanya, Kak Mar tidak ubah seperti mati hidup semula. Dia baru memperoleh kekuatan untuk meneruskan perjalanan hidupnya di dunia fana ini. Tetapi, dia teruskan kembaranya ini dalam kegelapan. (*LMIS*, hlm. 162)

Penyesalan terhadap keputusan diri berkahwin dengan Fahmi muncul atau lebih menebal apabila Awatif mengetahui Mariah madunya kehilangan deria penglihatan. Perasaan yang bercampuran dengan keinginan menziarah suaminya membawa Awatif ke rumah Mariah pada hari Fahmi meninggal dalam kemalangan. Dari situ, Awatif mula rapat dengan Mariah dan anak-anaknya, dan hubungan mereka semakin mesra dan rapat sehingga berpuluh tahun.

Dalam bahagian ini watak-watak dalam *LMIS* seperti Mariah dan Awatif masing-masing melalui rasa sedih kecewa, keresahan dan penderitaan kerana mengenang nasib diri mereka. Karya jelas menerapkan persoalan bahawa kehidupan setiap insan itu saling melengkapi ruang kehidupan orang lain. Tanpa kefahaman dan kebijaksanaan, kita akan menyalahkan orang lain sehingga menyebabkan kerugian diri sendiri. Ini kerana, segala permasalahan dalam sesebuah cereka biasanya akan terungkap pada hujung cerita, tetapi belum pasti demikian dalam kehidupan sebenar. Oleh itu, fungsi karya sastera sebagai pengajar itu perlulah dilihat dengan penuh makna dan bermakna kepada kita semua.

## **KESIMPULAN**

Menelusuri kehidupan manusia dalam karya sastera (penelitian dalam novel-novel oleh Norhashimah Hashim) menjelaskan soal keindahan dalam karya memantulkan realiti kehidupan realiti. Sama ada disadari atau tidak, kebahagiaan atau penderitaan itu pasti muncul dan berubah-ubah mengikut ruang dan waktu. Apakah punca, siapa dan bagaimana ia diselesaikan atau berakhir itulah yang membezakan kita dengan orang lain. Sekiranya diteliti, penderitaan manusia itu berbagai-bagai, dan mereka 'terpaksa' tabah dan faham erti kewujudan dan kesementaraan. Penderitaan masih subjektif untuk disukat timbang kerana tabah kekuatan daya tenaga dan fikiran seseorang itu tidak serupa.

Watak Awatif beranggapan diri sendiri sengsara kerana kematian ibu, dan diabaikan keluarga, namun menyedari besar lagi dugaan Mariah yang kehilangan deria penglihatan dan kematian suami. Dalam *CSH* pula, kesukaran yang dialami oleh Norhasimah dan adik beradik sejak kecil, cabaran yang dilalui di alam persekolahan hingga ke universiti jelas memaparkan pengalaman yang baru kepada pembaca. Dunia seorang insan yang gelap pandangan deria penglihatan jelas

memilukan (bagi diri kita), tetapi mereka tetap mengharunginya dengan tabah dan reda dengan ketentuan takdir diri.

Oleh yang demikian, penelitian keindahan sastera dalam konteks ini bertolak daripada pemilihan bahan yang 'asli' serta 'kelihatan' dekat (kehidupan dan pengalaman pengarang) dan meyakinkan pembaca. Ini kerana catatan perjalanan atau realiti kehidupan yang digarapkan dalam karya kreatif pada hari ini mendapat sambutan dan penerimaan. Manakala teknik dan bahasa yang digunakan pula menentukan kelompok pembaca yang berlainan bergantung kepada matlamat penilaian atau pembacaan sesebuah karya itu. Walau bagaimanapun, jika setiap peristiwa yang digarapkan itu diberikan penghayatan dan renungan ia pasti akan menjelmakan suatu makna yang penuh bermakna.

## **RUJUKAN**

- Hashim Awang. (1984). *Teman pelajar kesusasteraan*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2015). *Koleksi teori sastera: Klasik, tradisional, moden, pascamoden dan tempatan*. Bangi: Pustaka Karya.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhashimah Hashim. (2017). *Lagu merdu irama sumbang*. Sintok: UUM Press.
- Norhashimah Hashim. (2018). *Catatan seorang hamba: Travelog haji insan istimewa*. Sintok: UUM Press.
- Saadin Abdullah & Mohamad Puzi A. Hadi, (pnylrl). (2018). *Spektrum pemikiran karyawan Kedah*. Alor Setar: Terbitan Angkatan Sasterawan Nasional Kedah.